

# Lengkapkan diri untuk terima teknologi-PM

BM 4 001 1984

**DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad** hari ini mengingatkan yang pemindahan teknologi tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya rakyat sendiri tidak membuat persediaan.

"Mereka perlu membaca rencana-rencana mengenai teknologi bar., dan melihat dengan lili kerja-kerja yang dibuat di samping mengkaji dan menalakan semua yang mereka pelajari," kata Perdana Menteri ketika merasmikan kompleks pembinaan dan perkhidmatan kerelapi Malaysia Shipyard and Engineering (MSE) di sini.

Beliau yang gembira dengan kejayaan MSE melaksanakan projek pembinaan koc itu menegaskannya dengan persediaan rapi sahaja pemindahan teknologi dapat dilaksanakan dengan jaya.

Katanya, usahasama seperti yang dijalankan oleh MSE dengan Syarikat Korean Shipbuilding and Engineering Corporation itu sering menimbulkan persoalan mengenai pemindahan teknologi.

"Perkara pemindahan teknologi ini pula biasanya akan disambut dengan keluhan bahawa orang lain tidak mahu

membuat pemindahan dengan jujur.

"Saya percaya bahawa terdapat kurang kejujuran oleh pihak lain berhubung masalah pemindahan teknologi ini. Tetapi apakah mereka sahaja yang bersalah? Apakah kita tidak salah sedikit pun?" tanya Datuk Seri Dr Mahathir

## Pentadbir

Perdana Menteri berkata beliau mendapati di beberapa lempat projek usahasama dijalankan tidak ada pun jurulera atau pembantu teknik tempatan yang dilugaskan bekerja bersamasama dengan orang asing.

Jika ada pun, katanya, tumpuan hanya diberi kepada penadbir dan kerap kali sebagai sambilan kerana ramai golongan profesional di negara ini lebih gemar menjadi tauke.

Beliau berkata, sebelum orang Jepun dan Korea mendapat teknologi, mereka menghadapi masalah yang lebih besar kerana pihak Barat tidak mahu sama sekali memindahkan teknologi.

Mereka, bagaimanapun, bekerja tekun dan berjaya sedikit demi se-

dikit dan akhirnya mencapai kejayaan seperti yang terbukti hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, hingga sekarang masih ada negara Barat yang menegenakan syarat menyekat pemindahan teknologi apabila mereka menjual barangan mereka.

Kerajaan boleh mende-sak dan menggenakan syarat kepada orang asing supaya pemindahan teknologi dilakukan, tetapi selagi rakyat tidak

bersedia dan sanggup menghadapi rintangan serta halangan, ia tidak akan berjaya.

Perdana Menteri juga menyentuh bidang penyelidikan dan pembangunan yang menurut beliau menjadi tulang belakang beberapa industri seperti penerbangan, farmasi dan pengangkutan jalan.

Bagi MSE, katanya, kumpulan penyelidikan dan pembangunannya hendaklah berusaha supaya pemodenan gerabak dan koc keretapi yang dibina dapat dilaksanakan dari masa ke smansa.